

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

 JKA PSAS

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN AZLAN SHAH



Kenali Alam Jurutera
Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya
Surrender the Me for the We
Flying Fox Adventure

SIDANG REDAKSI

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera..

Pihak redaksi e-Buletin JKA ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana terus menyokong usaha dalam penerbitan e-buletin JKA bagi Edisi 03 ini. Pihak kami sangat mengalu-alukan perkongsian maklumat bagi program-program yang dijalankan untuk dijadikan memori indah bagi semua warga JKA. Tidak lupa juga sumbangan penulisan ilmiah dalam menyokong kepada perkembangan dalam bidang penulisan pensyarah.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 dan Selamat Maju Jaya kepada seluruh warga JKA, PSAS. Semoga kehidupan kita pada tahun ini akan terus diberkati. Semoga warga JKA akan terus maju dan cemerlang ke peringkat yang lebih tinggi. Kami juga ingin memohon maaf sekiranya terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penghasilan e-buletin kali ini. Sesungguhnya, segala yang baik datangnya daripada ALLAH dan yang sebaliknya datang dari kelemahan diri kami sendiri.



MARSHITAH BINTI MUHAMAD
KETUA EDITOR

Tahun ke 3 sebagai Ketua Editor e-buletin Jabatan
Kejuruteraan Awam



NAFISAH HARUN
EDITOR

Merupakan editor bagi e-buletin Jabatan
Kejuruteraan Awam Kali ke 2



Dr. Halina Binti Hamid

KETUA JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana atas kesempatan yang diberikan dapat mencoret sepatah dua kata dalam e-Buletin JKA tahun 2023 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada pasukan penerbitan e-Buletin JKA atas kejayaan menerbitkan e-Buletin tahun ini. Sesungguhnya usaha seluruh warga JKA dalam merakamkan pelbagai peristiwa penting sepanjang Tahun 2023, menunjukkan komitmen dan kerjasama yang mantap oleh semua pihak telah memberikan hasil yang terbaik. Semoga dengan terbit e-Buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua warga PSAS dalam memperolehi maklumat yang terkini berkaitan dengan program serta pencapaian yang telah dilaksanakan di JKA sepanjang tahun 2023 ini.

Pendidikan kini menuntut penglibatan aktif semua pihak bagi memastikan potensi pelajar dapat dibangunkan selaras dengan fokus utama KPT yang selari dengan matlamat dan hasrat yang dirangkumkan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023 -2025. Penekanan yang diberikan berdasarkan lima fokus utama iaitu penyediaan bakat terbaik negara, pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, pelaksanaan pendekatan perkongsian ilmu, pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan pemantapan ekosistem pemboleh daya. Justeru itu, semua warga JKA memainkan peranan yang penting dalam menggalas misi dan visi serta mengorak langkah selari dengan hala tuju KPT dalam memacu kecemerlangan pendidikan negara.

Akhir kata, semoga penerbitan e-Buletin ini dapat diteruskan bagi membina ukhwah serta menyatu padukan semua warga JKA. Di harap juga, pembaca e-Buletin memperolehi maklumat yang berinformasi serta saya mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan positif bagi memantapkan lagi kandungan e-Buletin ini untuk manfaat semua pihak.

Terima Kasih

PENGURUSAN

Jabatan Kejuruteraan Awam



DR. HALINA BINTI HAMID
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam



DR. ZUMMY DAHRIA BINTI
MOHAMMED BASRI
Ketua Program Kejuruteraan Awam




SITI JANARIAH BINTI JANTAN
Ketua Program Kejuruteraan
Perkhidmatan Bangunan



AZIRAH BINTI ADNAN
Ketua Program Ukur Bahan

CARTA ORGANISASI

Jabatan Perinteraan Ikan



Asas Kualiti Air RAJA NORAZILLA BINTI RAJA YUNUS	01
Penandaarasan Akreditasi SAPINAH BINTI HADI	02
Sukan Bola Tampar MARSHITAH BINTI MUHAMAD	03
Sistem Amaran Banjir TS. NOOR AFZILA BINTI MOHAMAD	04
Pecutan Akhir MARSHITAH BINTI MUHAMAD	05
Literasi Kewangan ZAKIAH BINTI AKSAH	06
Jawatankuasa Penasihat Industri NOOR AFZILA BINTI	07
Penandaarasan Ukur Bahan AZIRAH BINTI ADNAN	08
Garden Jabatan Kejuruteraan Awam NURUL AQILAH BINTI IBRAHIM	09
Lukisan Kejuruteraan & Percetakan 3D MOHAMMAD ANUAR BIN SAFIAN	10
Lawatan Akademik YOGADEVI A/P SUPRAMANIAM	11
Sistem Maklumat Geografi NAFISAH BINTI HARUN	12
Eksekutif Muda NURUL AQILAH BINTI IBRAHIM	13
Pembangunan Aplikasi Mobil MOHAMMAD ANUAR BIN SAFIAN	14
Sistem Pili Bomba TS NORAIMI BINTI AHMAD	15
Risiko dan Kawalan Risiko NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN	16

Pembinaan Pondok Pelajar RAJA NORAZILLA BINTI RAJA YUNUS	17
Amal Ceria PSAS HADZIRA BINTI M. NOR	18
Flying Fox Adventure HIDANAH BINTI MOHD YUNUS	19
Jalan dan Lebuhraya SAPINAH BINTI HADI	20
Penyelenggaraan Penghawa Dingin TS NORAIMI BINTI AHMAD	21
LiDAR dalam Industri Binaan Digital NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN	22
Pertandingan Capture the Flag SITI ASMIZA BINTI MUZAFFAR	23
Karnival Sukan PSAS SAPINAH BINTI HADI	24
Surrender the Me for the We ANIZA BINTI TAHIR	25
Bahan Binaan HIDANAH BINTI MOHD YUNUS	26
Balai Bomba TS NORAIMI BINTI AHMAD	27
Akademik & Amali NUR QIAM FARHANA BINTI ADNAN	28
Penulisan Teknikal & Kemahiran Komunikasi HIDANAH BINTI MOHD YUNUS	29
Pembelajaran Autentik SAMLISMAN A/L CHOI WENG	30
Kenali Alam Jurutera NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN	31
Reka Dalaman HIDANAH BINTI MOHD YUNUS	32

Industrial Building System SITI SARA BINTI YAACOB ZUBIR	33
HaPIPP AYUNI BINTI MD YUSUF	34
Rekabentuk Bangunan ZAKIAH BINTI AKSAH	35
Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya NURUL AQILAH BINTI IBRAHIM	36
Naiktaraf Studio NURUL AQILAH BINTI IBRAHIM	37
Bangunan Hijau ERNISUHANI BINTI MOHAMAD ZAMRI@ZAM	38
Smart Nation NUR QIAM FARHANA BINTI ADNAN	39
Loji Sungai Selangor NUR QIAM FARHANA BINTI ADNAN	40
Loji Rawatan Kumbahan RAJA NORAZILLA BINTI RAJA YUNUS	41
Teknologi Drone NAFISAH BINTI HARUN	42
Penanaman Pokok FITRIYAH BINTI MOHD ROSLAN	43
Teknologi GPR & EML NAFISAH BINTI HARUN	44
Kesan Peningkatan Air Laut MAZLINA BINTI MAT RABI	45
Cerun & Perparitan NORHAZIAN BINTI OSMAN	47
Pencapaian dan Penghargaan	49

Program/ Aktiviti JKA



BENGKEL ASAS KUALITI AIR DAN PENGENDALIAN ALATAN MAKMAL

Oleh : RAJA NORAZILLA BINTI RAJA YUNUS

Program ini diadakan bagi membantu pensyarah yang mengajar Kursus *DCC40172 (Structural, Hidraulic and Water Quality Laboratory)*. Pengisian kursus adalah melibatkan pengenalan asas kualiti air, standard kualiti air, kaedah persampelan air, Demonstrasi Ujikaji Insitu, Ujian BOD dan Ujian COD. Selain itu peserta di dedahkan dengan cara pengendalian alatan dengan cara yang betul serta cara pelupusan sisa berjadual.

Mempertingkatkan pengetahuan sedia ada serta kemahiran kompetensi para tenaga pengajar teknikal berkaitan dengan kualiti air dan air sisa. Melatih tenaga pengajar untuk membina lembaran kerja amali yang lebih praktikal bersesuaian dengan tahap kompetensi para pelajar peringkat diploma.



LAWATAN PENANDAARASAN AKREDITASI *ETAC* DARI POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIAH (PTSB)

Oleh : SAPINAH BINTI HADI

Dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)* dan *Board of Engineers Malaysia (BEM)*, Program Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) PSAS telah dijadikan sebagai panduan penandaarasan program yang sama di PTSB dalam mendapatkan akreditasi semula. Membantu Program DKA, PTSB mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas untuk penyediaan SAR dan persediaan semasa audit berlangsung. Dapat memberi maklumat dan gambaran yang jelas. Program DKA, PTSB untuk penyediaan *Self Assessment Review Report (SARR)* dan persediaan semasa audit *ETAC* berlangsung.



KURSUS PEMBANGUNAN BOLA TAMPAR PSAS

Oleh: Marshitah Binti Muhamad

Kursus Pembangunan Bola Tampar PSAS telah di adakan pada 11-12 Januari 2023. Kursus ini telah disertai oleh kakitangan PSAS yang merangkumi pelbagai jabatan dan unit. Antara aktiviti yang berlaku sepanjang kursus adalah perlawanan Bola Tampar antara jabatan mengikut kategori lelaki dan perempuan. JKA telah menghantar penyertaan bagi kedua-dua kategori. Pasukan JKA telah berjaya mendapat tempat ke-2 bagi kategori perempuan.



KURSUS SISTEM AMARAN BANJIR DI MALAYSIA

Oleh: Ts. NOOR AFZILA BINTI MOHAMAD

Kursus Sistem Amaran Banjir di Malaysia dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada pensyarah maklumat yang terkini daripada pihak Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia dalam mengawal selia supaya amaran banjir ini dapat diketahui oleh penduduk di Malaysia. Tujuan kursus ini memberi pendedahan kepada pensyarah DKA berkaitan sistem amaran banjir yang digunakan di Malaysia dan menyebarkan aplikasi berkaitan teknologi terkini dalam sistem amaran banjir di Malaysia

DEFINITION OF FLOODS

DID Manual

An area is said to be flooded if stormwater runoff cause a significant rise in water level above the ground level inflicting damage to properties or crops or disrupting the normal activities in the area. The source of stormwater runoff can be from a catchment upstream or it could be from an adjacent river overspilling its banks or bunds. Not all floods are caused directly by stormwater. It could be caused by a dam-break event or from releases from pond or dam storage.

World Meteorological Organization, WMO

Flash flood. Flood of short duration with a relatively high peak discharge in which the time interval between the observable causative event and the flood is less than four to six hours.

National Oceanic and Atmospheric Administration, NOAA

SISTEM AMARAN BANJIR DI MALAYSIA

12 JULAI 2023



PROGRAM PECUTAN AKHIR CALON SPM 2023

Oleh: MARSHITAH BINTI MUHAMAD

Program Pecutan Akhir Calon SPM 2023 ini merupakan sebuah program yang dilaksanakan khusus untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan penting iaitu SPM. Program yang dijalankan ini digunakan sebagai alat perangsang dan kesediaan untuk berubah ke arah kebaikan dan kemajuan. Program ini melibatkan penceramah yang sangat pengalaman dalam bidang serta berkaliber dalam menyampaikan ceramah motivasi. Selain itu, para peserta program juga diberikan pendedahan awal berkaitan kursus-kursus yang ditawarkan di Politeknik Malaysia oleh pegawai pengambilan dan data PSAS.

Pendidikan adalah merupakan tiket penting dalam mengubah kehidupan. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi dapat membuka peluang pekerjaan yang cerah seterusnya Menjamin kehidupan yang lebih baik. Dengan pendedahan awal ini, di harap pelajar lebih bersemangat dan berkeyakinan untuk terus berusaha menempatkan diri ke menara gading kelak.



PROGRAM LITERASI KEWANGAN AKPK DAN JPPKK: *MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR)*

Oleh: ZAKIAH BINTI AKSAH

Program ini dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kewangan di kalangan warga belia khususnya penuntut IPT tentang kepentingan mengurus kewangan dengan baik dan menyampaikan maklumat dan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan tepat dalam melakukan pinjaman.



Pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bersama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melaksanakan program literasi kewangan bersempena minggu kewangan global- *Global Money Week (GMW)* yang bermula pada 20 Mac 2023 sehingga 26 Mac 2023. Secara ringkasnya, program literasi kewangan diadakan untuk memberi kesedaran kepada golongan belia mengenai kepentingan menguasai pendidikan kewangan pada usia muda, dan ini akan membantu mereka dalam membuat keputusan kewangan yang tepat serta dapat mencapai kestabilan kewangan dalam kehidupan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI (JPI) PROGRAM DPB & DKA

Oleh: NOOR AFZILA BINTI MOHAMAD

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) bertujuan berkongsi maklumat, perbincangan kurikulum serta penambahbaikan program Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) dan Diploma Perkhidmatan Bangunan (DPB) di Jabatan Kejuruteraan Awam selari dengan keperluan industri. Akreditasi program merupakan satu perlakuan penilaian yang dikendalikan oleh pihak keserakanan bertujuan memastikan samaada program ini mencapai tahap kualiti yang dihasratkan.

Keterlibatan pihak industri adalah merupakan salah satu peranan yang sangat penting bagi mengiktiraf sesuatu program yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga sangat menggalakkan pembabitan lebih ramai pemain industri dalam usaha memperkasakan pendidikan negara, terutama dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Industri sering memberikan maklum balas terhadap kebolehpasaran graduan IPT dalam aspek pengusahaan kemahiran, bahasa dan ilmu mutahir. Industri juga memberikan input kepada IPT bagi memperbaiki pelaksanaan kurikulum institusi pengajian tinggi dalam merangka strategi terbaik untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.



LAWATAN PENANDAARASAN PROGRAM DIPLOMA UKUR BAHAN DARI POLITEKNIK MALAYSIA KE UCSI UNIVERSITY KUALA LUMPUR

Oleh: AZIRAH BINTI ADNAN

Lawatan penandaarasan Program Diploma Ukur Bahan dari Politeknik Malaysia ke UCSI University Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan input mengenai pembangunan kurikulum dan juga fasiliti yang digunakan untuk program ukur bahan di universiti berkenaan. Hasil penandaarasan ini dapat digunakan untuk proses semakan kurikulum Program Diploma Ukur Bahan yang sedang dilaksanakan terutamanya untuk penjajaran kursus diploma dan ijazah ukur bahan.



Lawatan penandaarasan ini dilaksanakan bagi memenuhi beberapa objektif berikut:

- 1. Mendapatkan input mengenai pembangunan kurikulum Ukur Bahan yang memenuhi kehendak Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (BQSM).**
- 2. Mendapatkan input mengenai kaedah penilaian pelajar yang dilaksanakan.**
- 3. Mendapatkan input mengenai keperluan fasiliti yang sesuai untuk program ukur bahan.**
- 4. Menjajarkan struktur program Diploma Ukur Bahan Politeknik Malaysia dengan program Ijazah Ukur Bahan UCSI untuk meningkatkan peluang pemindahan dan pengecualian kredit pelajar politeknik yang ingin menyambung pengajian ke universiti tersebut.**

Kesimpulannya, melalui lawatan penandaarasan yang dijalankan ini, pelbagai input berguna telah diperolehi yang mana ianya boleh membantu untuk proses semakan kurikulum Program Diploma Ukur Bahan di Politeknik Malaysia yang sedang giat dilaksanakan.



KICK-OFF MEETING PROJEK GARDEN JKA

Oleh: NURUL AQILAH BINTI IBRAHIM


Mesyuarat permulaan Projek Garden JKA telah disertai seramai 14 orang pensyarah JKA yang dipengerusikan oleh Dr Hasmawi bin Khalid, sebagai ketua projek. Ini merupakan mesyuarat permulaan bagi merancang aktiviti pembersihan dan baik pulih *Garden JKA* yang mana melibatkan kerja-kerja struktur, landskap, paip & pendawaian, kerja kayu dan keusahawanan bagi mendatangkan hasil kepada JKA, staf dan pelajarnya di masa akan datang. Dalam mesyuarat ini, satu struktur organisasi telah dirancang dengan bidang tugas yang bersesuaian dengan skop tugas, merentasi ketiga-tiga program di JKA bagi menghidupkan kembali *Garden JKA* yang telah ditinggalkan sekian lama.



KURSUS LUKISAN KEJURUTERAAN DAN PERCETAKAN 3D

Oleh: MOHAMMAD ANUAR BIN SAFIAN

Kursus Lukisan Kejuruteraan dan Percetakan 3D ini dilaksanakan selama dua hari di Hi Tech Lab Mechatronics, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang disertai oleh pensyarah dari JKA, JKM, KV Sungai Buloh dan SMKA Slim River. Dalam kursus ini peserta didedahkan dengan beberapa jenis perisian yang menyokong proses rekabentuk 3D dan pencetak 3D. Antara yang dipelajari adalah *Fusion*, *CATIA* serta *Cura (latest version)* bagi *printer* Ender 3. Peserta didedahkan dengan pengalaman sebenar merekebentuk dan mencetak sendiri menggunakan pencetak 3D termasuk aspek pemasangan dan penyenggaraan pencetak 3D tersebut.



PROGRAM LAWATAN AKADEMIK DELEGASI POLITEKNIK NEGERI MEDAN (POLMED) KE POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Oleh: YOGADEVI A/P SUBRAMANIAM

Program ini merupakan inisiatif dari kolaborasi antarabangsa di antara Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Politeknik Medan (POLMED). Perjanjian kerjasama (*Agreed Minutes & Meeting, AMM*) diantara kedua-dua institusi ini telah ditandatangani pada Mei 2023. Berikutan itu, pihak POLMED yang diwakili oleh pegawai kolaborasi zon asia (En. Abdul Rahman) dan tujuh (7) orang pensyarah (En. Kadri Yusuf, En. Aulia Salman, En. Sarjianto, Ir. Rufinus Nainggolan, Drs. Sarmedi Agus Siregar, Drs. Anwar, Drs. Indra Fauzi) telah berkunjung ke PSAS untuk membincangkan aspek-aspek aktiviti bagi mencapai kandungan AMM tersebut.

Selain perbincangan, pihak POLMED juga telah mengadakan lawatan ke bengkel Kayu, Makmal Konkrit dan Makmal Jalanraya, Jabatan Kejuruteraan Awam untuk melihat fasiliti dan peralatan yang digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Antara staf JKA yang terlibat adalah Pn. Siti Sara binti Yaacob Zubir, Pn. Yogadevi Supramaniam, En. Muhammad Sukri bin Abdul Hamid, Sr. Mohammad Anuar bin Safian, Pn. Hasliza binti Yusof, En. Amir bin Ahmad Derniyan, Pn. Hadzira binti M. Nor, Pn. Ayuni binti Md Yusof, En. Nahar Effendi bin Shaari, En. Sharizal bin Shamsudin dan Pn. Lynafis binti Mohd Shari. Program ini telah berjaya menjalinkan hubungan kerjasama yang padu di antara kedua-dua institusi khususnya dalam ruang lingkup Pendidikan TVET.




PERKONGSIAN PENULISAN ILMIAH BERSAMA BULETIN GIS & GEOMATIK OLEH JAWATANKUASA PEMETAAN & DATA SPATIAL NEGARA

Oleh: NAFISAH BINTI HARUN

Sumbangan perkongsian penulisan ilmiah ini telah diterbitkan di bawah Buletin GIS & Geomatik Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia terdiri dari DUA (2) kajian berkaitan dengan Sistem Maklumat Geografi dan pengaplikasian teknologi dalam bidang Geomatik iaitu salah satu cabang pengukuran yang dikenali sebagai Ukur Kejuruteraan.


Kajian yang disumbangkan ini adalah dalam bentuk penulisan ilmiah iaitu kajian berkaitan pembangunan peta digital berinformasi di Politeknik Sultan Azlan Shah dan kajian terhadap pembelajaran berasaskan aplikasi iaitu dikenali sebagai *Surveywork App* dalam amali kursus Ukur Kejuruteraan.




PROGRAM EKSEKUTIF MUDA (ProEM) TAHUN 2023

Oleh : NURUL AQILAH BINTI IBRAHIM

ProEM berlangsung pada 21-23 Feb 2023 bertempat di Kem Wawasan Negara Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang nilai-nilai yang perlu diamalkan oleh seorang pemimpin, bagaimana utk memimpin diri sendiri dan orang lain serta bagaimana untuk memimpin diperingkat organisasi. 5 orang penjawat awam dipanggil untuk menyertai ProEM yang dianjurkan oleh Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) KBS, di mana diwakili oleh 2 orang staf JKA iaitu Nurul Aqilah Binti Ibrahim & Mohd Sukri bin Abdul Hamid. Konsep pengurusan yang lebih dinamik dan efisien dapat dihasilkan dan jaringan hubungan penjawat awam dapat ditingkatkan.



Oleh: MOHAMMAD ANUAR BIN SAFIAN



PROGRAM SISTEM PILI BOMBA BERSAMA UNIT PEMBANGUNAN DAN SELENGGARAAN

Oleh: NORAIMI BINTI AHMAD

Pelajar Semester 4, Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB), mengambil kursus DCB40142 Fire Protection System dan mempunyai penilaian Mini Project berkenaan dengan kesedaran pili bomba terhadap masyarakat. Sehubungan dengan itu, Pegawai UPS telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan tunjuk ajar berkenaan dengan sistem pili bomba kepada pelajar-pelajar DPB. Untuk memastikan kesedaran pili bomba dalam diterapkan kepada pelajar dan sekaligus dapat disebarluaskan kepada masyarakat.




BENGKEL PEMERIKSAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA BERDASARKAN PENAKSIRAN RISIKO DAN KAWALAN RISIKO (HIRARC)

Oleh: NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN

Bengkel Pemeriksaan Keselamatan Dan Kesihatan Di Tempat Kerja Berdasarkan Penaksiran Risiko Dan Kawalan Risiko (HIRARC) adalah merupakan aktiviti program Unit Keselamatan dan Kesihatan JMSK untuk memastikan tempat kerja di JMSK, JKA dan JKM dalam keadaan selamat digunakan oleh kakitangan dan pelajar. Bengkel ini juga mensasarkan Penyelaras UKKP induk dan setiap jabatan, pelajar Semester 1 program DKA dan DAD serta penyelia makmal/ bengkel/ bilik kuliah.

Melalui bengkel ini peserta dapat mengenalpasti hazard dan mengetahui tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Bengkel ini adalah satu proses untuk mengawal kemalangan apabila penyebab dapat dikenalpasti serta secara tidak langsung mematuhi undang-undang yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa.

Program ini juga bertujuan melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang prihatin terhadap keadaan tempat kerja dan mempraktikkan apa yang telah dipelajari di dalam Kursus DUW10022- Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.



PROJEK PEMBINAAN PONDOK MENUNGGU MURID PPKI SKTM

Oleh: RAJA NORAZILLA BINTI RAJA YUNUS

PROJEK PEMBINAAN PONDOK MENUNGGU MURID PKPI SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNG MALIM yang melibatkan 45 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam dan 15 orang staf. Program sebegini memberikan kepentingan kepada pelajar dalam menyokong pembangunan modal insan khususnya kepada Politeknik Sultan Azlan Shah itu sendiri dan sentiasa berusaha menjadi warga politeknik yang penyayang. Selain daripada itu juga, program ini bertujuan untuk program *Authentic Learning* Kursus *DCC30082 Industrialised Building System (IBS) In Sustainable Construction* bagi pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Semester 3 dan *DCQ30144-Construction Technology 3* bagi pelajar Diploma Ukur Bahan Semester 3 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Azlan Shah.



Program Authentic Learning adalah merupakan satu platform bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk terus menerapkan pengetahuan yang dipelajari secara amali dapat dilaksanakan secara terus di lokasi dan menghasilkan satu mini projek yang akan dinilai di dalam tugas pelajar. Melalui program ini, pengetahuan asas mengikat bata IBS dapat memberi pendedahan kepada pelajar kejuruteraan awam yang mengikuti kursus *DCC30082 Industrialised Building System (IBS) In Sustainable Construction* dan *DCQ30144-Construction Technology 3*.



CSR 1 KOMUNITI 1 POLYCC

PROGRAM CSR AMAL CERIA PSAS BERSAMA KOMUNITI ZON CEMPAKA BANDAR BEHRANG 2020

Oleh: HADZIRA BINTI M.NOR

Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyokong pembangunan modal insan khususnya pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah . Ia merupakan satu platform bagi melahirkan pelajar yang prihatin terhadap komuniti setempat dan melatih sikap tolong menolong dikalangan masyarakat. Pelajar juga dapat mempraktikkan ilmu pengetahuan yang ada dan yang telah dipelajari dalam kehidupan sekaligus ia memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. ia juga dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti bersama institusi dan seterusnya dapat mempromosikan Politeknik Sultan Azlan Shah di mata masyarakat sebagai sebuah institusi yang seimbang dari segi intelektual, rohani dan jasmani.

Aktiviti yang dilaksanakan iaitu menambahbaik taman permainan kanak-kanak di Zon Cempaka Bandar Behrang 2020. Aktiviti ini dijayakan dengan kerjasama antara pensyarah, pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah dan juga komuniti setempat. Secara ringkasnya, program ini melahirkan insan yang peka kepada masyarakat seimbang dari segi rohani dan jasmani, memupuk sifat kepimpinan dan kerjasama yang utuh di antara peserta, memberi pendedahan kepada pelajar dan staf mengenai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan juga meningkatkan kemahiran dan pengalaman pelajar melalui pembelajaran berasaskan kerja.





FLYING FOX ADVENTURE 2023

Oleh: HIDANAH BINTI MOHD YUNUS

Kelab kembara diterajui oleh Puan Hidanah Binti Mohd Yunus sebagai pensyarah kursus dari Jabatan Kejuruteraan Awam dan selaku penasihat kelab. Program Flying Fox Adventure 2023 merupakan kursus yang dianjurkan oleh kelab kembara yang disertai oleh pelajar semester 2 dari jabatan JKA, JKE, JKM dan JP sebagai aktiviti luar kampus untuk memberikan pengalaman baru dan pendedahan kepada ahli kelab kembara bagi meningkatkan pengetahuan dalam aktiviti tali tinggi. Kursus ini dijalankan pada 20 Oktober 2023 di Tasik Politeknik Sultan Azlan Shah oleh tenaga pengajar yang bertauliah dalam aktiviti tali tinggi. Pelajar diajar cara memakai kelengkapan aktiviti tali tinggi, penerangan mengenai aktiviti flying fox dan langkah-langkah keselamatan semasa menjalankan aktiviti flying fox.

Selain itu, program berbentuk aktiviti fizikal ini dapat mengajar ahli-ahli kelab kembara untuk hidup secara sihat dan dapat memantapkan semangat kerjasama, kesefahaman dan semangat bersatu padu dikalangan ahli kelab. Akhir sekali, program ini dapat memberikan impak yang positif dalam menggerakkan pelajar supaya menjadi ahli kelab yang berpengetahuan dan aktif di dalam aktiviti kokurikulum.




PROGRAM GOTONG ROYONG DAN PENANAMAN POKOK (LET'S PLAN IT!) BERSAMA MAJLIS BELIA FELDA MALAYSIA BESOUT 2

Oleh: FITRIYAH BINTI MOHD ROSLAN

Program Gotong-Royong dan Menanam Pokok (*Let's Plant It!*) ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran penduduk felda mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti felda tersebut. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan budaya 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*) di dalam kehidupan seharian.

Program ini juga bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang mencintai alam sekitar dan memberi kesedaran bahawa pentingnya amalan hijau dalam menjaga alam sekitar. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan ukhwah pelajar politeknik bersama komuniti luar.



PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI: TEKNOLOGI GPR DAN EML

Oleh: NAFISAH BINTI HARUN


Program Pensyarah Industri (PPI): *Ground Penetrating Radar*, GPR dan *Electromagnetic Locator*, EML ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar semester 2 Diploma Kejuruteraan Awam (Kursus DCC20063 *Engineering Survey*) tentang teknologi terkini yang diaplikasikan dalam bidang pengukuran.

Ia merupakan teknologi terkini peralatan pengesan paip dan kabel dalam bidang pembinaan. Ia merupakan satu penyelesaian dalam mengesan, memeriksa dan memantau utiliti.

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Memberi pengetahuan baharu kepada pelajar mengenai teknologi terkini yang diaplikasikan di industri pembinaan.**
- ii. Melatih pelajar dalam kemahiran sosial, personal dan tanggungjawab terhadap pemegang taruh dari industri.**
- iii. Melatih pelajar dengan kemahiran pengurusan informasi terkini dan juga pembelajaran sepanjang hayat.**

Justeru, program PPI ini diharapkan dapat memberi pengetahuan baharu berkaitan teknologi terkini dalam industri pembinaan kepada pelajar Diploma Kejuruteraan Awam di PSAS.



SHARING SESSION ON ROAD AND HIGHWAY FROM INDUSTRY PLAYERS

Oleh : SAPINAH BINTI HADI

Program PPI ini merupakan satu medium penyampaian maklumat oleh pihak industri. Pelajar akan lebih memahami tentang konsep pembinaan jalan raya daripada pihak industri. Selain itu, pelajar juga akan diberi pendedahkan tentang pengurusan trafik dan kerja -kerja penyelenggaraan jalan. Pendedahan awal ini sangat penting bagi memudahkan pelajar memahami dengan lebih jelas dengan kursus yang dipelajari dan bidang kerja yang akan ditempuhi kelak selepas tamat pengajian di politeknik.



CSR 1 POLYCC, 1 KOMUNITI: PENYELENGGARAAN ALAT PENGHAWA DINGIN

Oleh: Ts. NORAIMI BINTI AHMAD

Program CSR 1 komuniti 1 POLYCC merupakan satu bentuk pendekatan yang membolehkan pihak POLYCC untuk mendampingi masyarakat setempat. Program ini adalah melibatkan pelajar-pelajar DPB atas pemantauan pensyarah yang mampu menyelenggara penghawa dingin. Program ini dapat membantu pihak komuniti yang memerlukan dari segi kepakaran dan kebajikan serta dalam masa yang sama dapat mempromosi POLYCC kepada pihak luar.


Sekolah yang terlibat adalah SK Sg. Behrang. Bagi mencapai hasrat dan wawasan ini, pelajar perlu diberi pendidikan, pendedahan dan pengetahuan awal bagi menyedarkan mereka mengenai tanggungjawab dan peranan sosial yang harus dimainkan oleh semua pihak bagi menjamin satu bentuk masyarakat unggul yang boleh mendokong wadah dan perjuangan bangsa di masa akan datang.



APPLICATION OF LIGHT DETECTION AND RANGING (LIDAR) SCANNING TECHNOLOGY IN DIGITAL CONSTRUCTION INDUSTRY

Oleh: NORAYAHATI BINTI NGAGIMAN

Light detection and ranging (LiDAR) scanning technology in digital construction industry application adalah memberi pendedahan kepada pelajar semester 5 DUB (Kursus DCQ50262) dan semester 2 DKA (Kursus DCC20063) tentang teknologi terkini yang diaplikasikan dalam industri pembinaan digital iaitu *light detection* dan *ranging*. Teknologi ini boleh digunakan dalam setiap peringkat pembinaan dan proses yang berkaitan agar lebih efisien dan menepati garis masa dan peruntukan kewangan yang ditetapkan.



PERTANDINGAN CAPTURE THE FLAG: SECURESTRIKE SEMPENA CYBER RANGE ACADEMY CONFERENCE 2023

Oleh: SITI ASMIZA BINTI MUZAFFAR

Pertandingan ini telah disertai oleh 3 orang pelajar semester 5 daripada kelas DUB5A dan DUB5B serta seorang mentor / pensyarah iaitu Ts. Dr. Siti Asmiza binti Muzafar. Penyertaan daripada PSAS merupakan satu-satunya pasukan daripada sejumlah 20 buah pasukan yang bertanding tidak mempunyai latar belakang teknologi maklumat atau teknologi komputer apatah keselamatan siber. Namun atas ingin mencuba perkara baharu, para pelajar dan mentor mengambil peluang untuk menyertai pertandingan tersebut. Pasukan PSAS telah berjaya mendapat tempat ke-12 daripada 20 buah pasukan yang bertanding terdiri daripada politeknik dan kolej komuniti Malaysia. Melalui pertandingan ini para pelajar dapat mempelajari perkara yang di luar bidang pengajian serta mendalami ilmu tentang isu terkini melibatkan keselamatan siber.



PROGRAM ATLET JKA TOWARDS SUPSAS 2023

Oleh: SAPINAH BINTI HADI

Program Atlet JKA Towards SUPSAS 2023 adalah satu program yang julung kalinya diadakan di peringkat JKA untuk memilih atlet yang berbakat di peringkat jabatan untuk mewakili jabatan ke Karnival SUPSAS 2023. Program ini telah berjaya melibatkan seramai 150 orang pelajar dan 19 orang pengurus pasukan dari 12 jenis acara. Proses pemilihan berlangsung dengan lancar dan mendapat sambutan dari semua pelajar JKA. Semasa sesi pemilihan bersama pengurus pasukan, pelajar yang berbakat telah dikenalpasti dan telah dicalonkan untuk menjadi wakil atlet JKA pada Karnival SUPSAS 2023. Atlet JKA telah bertanding pada Karnival SUPSAS 2023 dan telah membawa 2 emas, 3 perak dan 5 gangsa dan telah membanggakan jabatan.



TEAM BUILDING SURRENDER THE 'ME' FOR THE 'WE'

Oleh: ANIZA BINTI TAHIR

Program *Team Building* Jabatan Kejuruteraan Awam yang bertemakan *Surrender the 'ME' for the 'WE'* ini adalah program pembangunan pelajar bagi Jabatan Kejuruteraan Awam yang julung-julung kali diadakan. Melalui program ini, pembentukan satu Jabatan yang bersatu padu dan mampu mewujudkan ikatan yang lebih kuat di antara pelajar dan juga pensyarah. Melalui aktiviti yang akan dirancang melalui program team building ini, pelajar semester 1 hingga semester 3 dari setiap program pengajian (DKA, DUB dan DPB) akan saling mengenali, menghormati dan berkongsi tujuan serta harapan yang sama.



CERAMAH INDUSTRI BAHAN BINAAN KEJURUTERAAN AWAM

Oleh : HIDANAH BINTI YUNUS

Ceramah Bahan Binaan Kejuruteraan Awam ini merupakan satu kursus pendedahan kepada pelajar-pelajar semester 1 yang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Awam di PSAS yang mengambil kursus *DCC10032 Civil Engineering Materials* bagi memperoleh pengetahuan pelajar dalam bidang kejuruteraan awam melalui pendedahan terus daripada pihak industri pembinaan. Melalui program ini, pelajar akan dapat menambah pengetahuan berkaitan bahan-bahan binaan kejuruteraan awam terkini yang digunapakai di industri. Program ini juga merupakan satu aktiviti tahunan sebagai pendedahan secara langsung kepada pelajar tentang cara pembinaan rumah dan bangunan yang mementingkan tempoh masa pembinaan, penggunaan bahan yang berkualiti dan mementingkan aspek keselamatan bangunan.



LAWATAN AKADEMIK KE BALAI BOMBA TANJUNG MALIM

Oleh: Ts. NORAIMI BINTI AHMAD

Program ini adalah salah satu aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran bagi kursus *DCB40142 - Fire Protection System* bagi pelajar Semester 4, Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. Program ini juga adalah salah satu program untuk pelajar berinteraksi dengan pihak Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia sekaligus berkaitan dengan kursus yang diikuti. Di dalam kursus ini, terdapat *Mini Project* yang memerlukan *stakeholder* di dalam dapatan dan memerlukan pemeriksaan pili bomba berdasarkan senarai semak JBPM.



LAWATAN PENANDAARASAN AKADEMIK DAN AMALI PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS(UTP)

Oleh: NUR QIAM FARHANA ADNAN

Program lawatan penandaarasan adalah bertujuan membentuk satu hubungan kerjasama yang positif di antara politeknik dengan institusi luar selain sebagai penandaaras dalam membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan program Diploma Kejuruteraan Awam.

Para pensyarah yang mengikuti program ini akan mendapatkan maklumat tentang cara pengurusan dan pengujian makmal kualiti air di UTP. Seramai 29 orang pelajar akan terlibat menjalani aktiviti perkongsian ilmu berkaitan ujikaji makmal kualiti air di Universiti Teknologi Petronas. Selain itu, dapat membentuk satu hubungan kerjasama yang positif di antara politeknik dengan institusi luar selain sebagai penandaaras dalam membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan program Diploma Kejuruteraan Awam.



BENGKEL PENULISAN LAPORAN TEKNIKAL DAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI UNTUK KURSUS INDUSTRIAL TRAINING (DUT600610 DAN DUT60019)

Oleh: HIDANAH BINTI YUNUS

